

ANALISIS KEMERDEKAAN KEKAWANAN PETROL  
DALAM MESINNYA TERHADAP SOSIOEKONOMI  
Masyarakat Di NEGERI TERENGGANU

CHORINA A/F RAJINDARANI

FAKULTI PENGUSUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2000



**ANALISIS MENGENAI KENAIKAN HARGA MINYAK  
PETROL DAN KESANNYA TERHADAP SOSIOEKONOMI  
MASYARAKAT DI NEGERI TERENGGANU**

**OLEH**

**SHOBANA A/P RAJANDARAN**

**LAPORAN PROJEK INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN  
DARIPADA KEPERLUAN UNTUK MENDAPATKAN IJAZAH  
SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
(UMT)  
2009**

## PENAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN4399A/EKN4399B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

26 April 2009

  
\_\_\_\_\_  
SHOBANA A/P RAJANDARAN  
UK13124

## DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN4399A/EKN4399B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

26 April 2009

  
\_\_\_\_\_  
SHOBANA D/O RAJANDARAN  
UK13124

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin melahirkan perasaan syukur kerana kertas projek ini telah berjaya disiapkan dengan lengkap dan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan kajian ini disiapkan dengan lancar dan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ingin diucapkan kepada Pn. Noorhaslinda Bt. Kulub Abdul Rashid selaku penyelia kerja kursus saya yang banyak membantu, membimbing dan juga sebagai pemudahcara saya sepanjang proses menyiapkan kerja kursus ini. Dengan tunjuk ajar yang begitu jitu dan padu daripada beliau, saya dapat menghasilkan satu kerja kertas projek yang baik.

Seterusnya tidak ketinggalan juga menyampaikan penghargaan kepada Jabatan Perangkaan Terengganu dan Unit Perancangan Ekonomi Terengganu khususnya yang telah banyak membantu dan memberi kerjasama kepada saya dalam mendapatkan data-data yang berkenaan untuk menyempurnakan kajian ini.

Kejayaan semua usaha ini sangat bergantung kepada sokongan dan kerjasama semua rakan-rakan. Oleh itu, tidak lupa juga untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada mana-mana rakan yang terlibat yang banyak memberi sokongan dan dorongan di samping idea-idea yang bernas pada masa yang ketandusan idea.

Akhir sekali ucapan terima kasih dan penghargaan teristimewa dalam hidup saya iaitu keluarga yang terlalu banyak berkorban dan mendoakan kejayaan saya. Kerjasama dan dorongan kalian adalah untuk kejayaan kita bersama. Jasa kalian kekal dalam ingatan.

Sekian terima kasih.

SHOBANA A/P RAJANDARAN  
Jabatan Ekonomi,  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,  
Universiti Malaysia Terengganu,  
UMT, Mengabang Telipot,  
21030, Kuala Terengganu, Terengganu.

No.159, Rumah Rakyat,  
Kampung Paya,  
71000 Port Dickson,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

## ABSTRAK

Kenaikan harga minyak petrol merupakan satu masalah yang sering diperkatakan dikalangan masyarakat. Didapati kenaikan harga minyak memberi kesan kepada masyarakat dari segi taraf hidup, kuasa beli, ketidak seimbangan bajet dan sebagainya. Maka dengan itu, objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah untuk mengkaji kesan akibat kenaikan harga minyak terhadap sosioekonomi masyarakat di negeri Terengganu. Berdasarkan kajian-kajian yang lepas oleh Richard Westoby (1986) telah membuktikan bahawa kenaikan harga minyak memberi kesan negatif kepada perubahan terhadap GDP dalam sesebuah negara. Manakala kajian yang dilakukan oleh Pindycks (1999), menyatakan bahawa kenaikan harga minyak mengubah taraf hidup seseorang dari segi kuasa beli pengguna akan menurun akibat daripada kenaikan harga minyak. Justeru itu, menerusi kajian ini, kaedah soal selidik digunakan dengan mengambil kira data primer bagi 145 orang responden di negeri Terengganu. Kaedah statistik telah digunakan iaitu melalui pengujian nilai-p (p-value) dengan aras keertian ( $\alpha$ ) 0.05 yang mana pengujian ini dilakukan untuk melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan terhadap pembolehubah dengan menggunakan pakej SPSS. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kenaikan harga minyak dengan pendapatan, taraf hidup, kenaikan harga barang, kos sara hidup, keseimbangan bajet sebulan dan simpanan. Kesimpulannya, pelbagai cadangan telah dikemukakan bagi mengurangkan masalah kenaikan harga minyak terhadap di kalangan masyarakat.

## ABSTRACT

Increase in the price of petrol is one problem that is often talked about among the society nowadays. The increase in fuel prices affects the society from the aspect of standard living, purchasing power, budget imbalance and so on. Therefore, the objective is to study the increase in price of oil and the effect on socio-economic in the Terengganu state society. Based on the last studies by Richard Westoby (1986), it has proven that the increases in fuel prices have negative effect on the GDP in countries. Furthermore the research which is done by Pindycks (1999) states that increases in fuel prices change a person's life standard and the purchasing power aspect of consumer will decline due to increases in fuel prices. Hence this study uses the questionnaire method by considering primary data of 145 respondents in Terengganu state. Statistical method has been used namely through testing value p (p value) with level of significance ( $\alpha$ ) 0.05 in which this testing is done to determine whether there is a significant relationship variables by using the SPSS's package. Study results found that there is a significant relationship between the increases in fuel prices with income, standard of living, increase in price of goods, cost of living, budget balance for one month and savings. As a conclusion, various suggestions have been proposed to reduce the problems in oil price increase among the society.

## SENARAI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI ILUSTRASI</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH</b>	<b>x</b>

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Profil Negeri Terengganu	11
1.1.1	Bilangan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur 2007	13
1.1.2	Penglibatan Tenaga Buruh	14
1.1.3	Pendapatan Penduduk	15
1.1.4	Pengeluar Minyak	16
1.2	Permasalahan Kajian	16
1.3	Objektif Kajian	17
1.4	Kepentingan Kajian	18
1.5	Skop kajian	18
1.6	Metodologi Kajian	19
1.7	Hipotesis Kajian	20
1.8	Organisasi Kajian	21
1.9	Kesimpulan	22

### **BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS**

2.0	Pendahuluan	23
2.1	Ulasan Kajian Lepas	23
2.2	Kesimpulan	27



### **BAB 3: METODOLOGI**

3.0	Pendahuluan	28
3.1	Model Penyelidikan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	30
3.3	Tumpuan Kajian	30
3.4	Subjek Kajian	30
3.5	Instrumen Kajian	31
3.6	Prosedur Kajian	32
3.7	Pengumpulan Data	33
3.8	Penganalisan Data	34
3.9	Model Kajian	37
3.10	Pembolehubah-pembolehubah	38
3.11	Penilaian Model	40
3.12	Penutup	41

### **BAB 4: ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

4.0	Pendahuluan	42
4.1	Analisis Deskriptif	42
4.2	Hasil Analisis Regresi	59
4.3	Keputusan Signifikan	61
4.4	Rumusan	68

### **BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pendahuluan	70
5.1	Rumusan Kajian	70
5.2	Cadangan	72
5.3	Kesimpulan	77

<b>RUJUKAN</b>	<b>78</b>
----------------	-----------

<b>LAMPIRAN</b>	<b>80</b>
-----------------	-----------

## SENARAI JADUAL

<b>No. Carta</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Harga Runcit Petrol RON97 (sen seliter)	5
1.2	Kenaikan Harga Purata Minyak Di Pasaran Dunia WTI (AS\$ / Setong)	6
1.3	Harga Petrol Di Negara Pengeluar	7
1.4	Bandingan Harga Minyak Di Rantau ASEAN Pada Tahun 2005	8
1.5	Fakta Rentetan Kenaikan Harga Minyak Negara Malaysia Bermula Dari Tahun 1990	9
1.6	Purata Indeks Sekumpulan Makanan Dan Minuman Bukan Alkohol Dari Mei 2007-Mei 2008	10
1.7	Keluasan Mengikut Daerah	11
1.8	Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Pada Tahun 2007	13
1.9	Penglibatan Tenaga Buruh	14
1.10	Jumlah Pendapatan Penduduk	15
1.11	Jumlah Pengeluaran Petroleum Mentah	16
4.1	Model Summary	59
4.2	Anova	60
4.3	Jadual Koefisien	61
5.1	Jumlah Subsidi Dan Pengecualian Cukai Jualan	73

## SENARAI CARTA

<b>No. Carta</b>		<b>Halaman</b>
1.1	Harga Purata Minyak Dunia Yang Terus Meningkatkan	2
1.2	Peratus Keluasan Mengikut Daerah	12
1.3	Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Pada Tahun 2007	13
4.1	Peratusan Jantina	43
4.2	Peratusan Umur Responden	44
4.3	Status	45
4.4	Tahap Pendidikan	46
4.5	Peratusan Jumlah Pendapatan Responden	47
4.6	Peratusan Pandangan Responden Tentang Kestabilan Pendapatan	48
4.7	Peratusan Jenis Pemilikan Kerja	49
4.8	Peratusan Responden yang Mempunyai Kerja Sampingan	50
4.9	Bangsa Dalam Peratusan	51
4.10	Peratusan Pandangan Bagi Pendapatan Yang Diperolehi	52
4.11	Peratusan Taraf Hidup	53
4.12	Simpanan Oleh Responden	54
4.13	Kenaikan Harga Barang	55
4.14	Peratusan Pandangan Jumlah Responden Terhadap Peningkatan Kos Perbelanjaan	56
4.15	Hidangan Makanan Utama Dalam Seminggu	57
4.16	Bilangan Pandangan Jumlah Responden Terhadap Keseimbangan Bajet Dalam Sebulan	58

## SENARAI KEPENDEKAN

CPO	Crude Palm Oil
WTI	West Taxes Intermediate
OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
CPI	Indeks Harga Pengguna
SPSS	Statistic Package for Social Science
CCR	China Chemical Reporter
UAE	United Arab Emirates
p-value	Nilai P
$\alpha$	Aras Keertian
<	Lebih Kecil
>	Lebih Besar
H <sub>0</sub>	Hipotesis Nal
H <sub>1</sub>	Hipotesis Alternatif

**BAB**

**1**

## BAB 1

### Pengenalan


#### 1.0 Pendahuluan

Minyak adalah di antara salah satu keperluan harian manusia yang terpenting. Minyak diproses daripada sejenis bendalir mentah yang dipanggil petroleum. Terdapat beberapa jenis minyak yang diproses daripada cecair tersebut, antaranya adalah minyak masak, minyak petrol, CPO (Crude Palm Oil) dan banyak lagi. Minyak petrol merupakan minyak yang paling banyak digunakan di seluruh dunia. Ia juga merupakan satu komoditi yang penting, tanpanya ekonomi tidak boleh berfungsi. Jika harga petrol naik, harga bagi pengangkutan awam seperti bas dan teksi akan turut naik. Selain itu kos bagi makanan dan perkhidmatan juga turut meningkat. Keadaan ini akan mendatangkan pelbagai kesan negatif yang berganda. Minyak diperbuat daripada petroleum dan ianya ditapisan sebelum dihantar untuk pelbagai kegunaan. Minyak memainkan peranan yang penting dalam kehidupan harian iaitu tanpa minyak petrol, kenderaan di muka bumi tidak boleh bergerak dan ia mendatangkan kesukaran kepada masyarakat di seluruh dunia. Keadaan ini sangat merungsingkan pengguna kenderaan kerana berlaku kelarian bajet disebabkan pendapatan mereka tidak naik.

Pada tahun 2004, harga minyak mentah telah meningkat tinggi di pasaran dunia. Sebenarnya harga minyak mentah jenis West Texas Intermediate (WTI) iaitu harga rujukan di Amerika Syarikat dan dunia telah meningkat daripada purata AS\$41.60 setong pada tahun 2004 kepada AS\$72.28 setong pada tahun 2007. Pada bulan Disember 2007 harga purata adalah sebanyak AS\$91.36 setong dan terus meningkat kepada AS\$92.98 setong pada bulan Januari 2008. Harga minyak mentah jenis *Tapis* (minyak mentah

keluaran Malaysia) turut meningkat daripada purata AS\$41.48 setong pada tahun 2004 kepada AS\$78.30 pada tahun 2007. Pada bulan Januari 2008 harga purata terus meningkat kepada AS\$96.74 setong.

Carta 1.1 : Harga Purata Minyak Dunia Yang Terus Meningkat



Sumber : *Bloomberg*

Di Malaysia, kenaikan harga minyak petrol adalah sebanyak RM 0.78 seliter. Harga petrol naik dari RM 1.92 pada tahun 2006 kepada RM 2.70 per liter pada tahun 2008 dan harga ini secara tiba-tiba telah menurun kepada RM 0.15 per liter pada 23 August 2008 iaitu RM 2.55 per liter. Bagi diesel, harganya meningkat RM 1.58 pada tahun 2006 kepada RM 2.58 pada tahun 2008 dan ianya menurun sebanyak RM 0.08 per liter pada hari yang sama iaitu sebanyak RM 2.50. Harga minyak sekarang didapati telah menurun kepada RM 1.80 per liter dan harga ini telah diturun pada akhir tahun 2008.

Malaysia mengeluarkan minyak jenis Tapis, namun minyak tersebut tidak digunakan dalam negara kerana berkualiti tinggi serta harga lebih mahal dan lebih menguntungkan jika dieksport. Oleh itu, Malaysia mengimport minyak jenis lain yang harganya lebih rendah untuk kegunaan tempatan. Dengan ini Malaysia mendapat keuntungan dengan mengeksport minyak yang lebih mahal dan mengimport minyak yang lebih murah.

Walaupun Malaysia merupakan di antara negara yang menghasilkan minyak, tetapi harga minyak terpaksa dinaikkan kerana harga minyak dan produk petroleum ditentukan oleh pasaran dunia. Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pengeluaran minyak dunia tetapi ia tidak mampu mempengaruhi harga pasaran minyak sepenuhnya. Walaupun Malaysia mengeluarkan dan mengeksport minyak, ia bukan ahli OPEC atau negara pengeluar minyak yang terbesar. Jika berlaku kenaikan harga minyak yang tinggi di pasaran dunia, ia memberi kesan kepada harga produk petroleum seperti diesel, petrol dan gas memasak seperti (LPG) di negara kita. Dari segi produk petroleum tempatan seperti petrol, diesel dan LPG, PETRONAS hanya membekalkan 42 peratus daripada pasaran runcit produk petroleum. Bakinya dibekalkan oleh syarikat asing seperti Shell, Exxon-Mobile, BHP dan Chevron. Jika harga runcit produk petroleum hendak dikekalkan rendah, kerajaan terpaksa menanggung keseluruhan subsidi minyak dan adalah tidak bijak kerajaan berbuat demikian.



Jika PETRONAS pula dikehendaki menanggung keseluruhan subsidi tersebut, bermakna PETRONAS juga terpaksa menanggung subsidi yang sepatutnya dibayar oleh Shell, Exxon-Mobile, BHP dan Chevron. Ini kerana kerajaan tidak boleh memaksa syarikat minyak asing untuk menanggung subsidi tersebut kerana ia bukan milik kerajaan. Mekanisma harga yang digunakan untuk penetapan harga runcit produk petroleum telah diwujudkan pada tahun 1983. Secara ringkas, harga runcit petrol, diesel dan gas memasak ditentukan seperti berikut:

<p>Kos Produk Petroleum + Kos Operasi + Margin Syarikat Pengedar Produk Petroleum + Komisen Pemilik Stesen Minyak + Cukai Jualan - Subsidi = Harga Runcit</p>
---

Mekanisma harga ini berdasarkan harga pasaran antarabangsa. Berasaskan harga antarabangsa ini, unsur kos operasi seperti kos agihan dan kos pemasaran serta cukai jualan diambilkira untuk harga sebenar. Di Malaysia, harga runcit minyak lebih murah daripada harga di negara lain. Oleh kerana kita memberikan subsidi dan pengecualian cukai jualan. Sebagai contoh, harga runcit petrol RON97 pada 31 Julai 2005 adalah seperti berikut:

Jadual 1.1 : Harga Runcit Petrol RON97 (sen seliter)

	<b>Harga 31 Julai 2005</b>		
	<b>Semenanjung</b>	<b>Sabah</b>	<b>Sarawak</b>
Kos Produk	164.21	164.21	164.21
+ Kos Operasi	9.54	8.98	8.13
+ Margin Syarikat	4.45	4.45	4.45
+ Komisen Pemilik Stesen	8.00	8.00	8.00
+ Cukai Jualan	58.62	58.62	58.62
<b>= Harga Sebenar</b>	<b>244.82</b>	<b>244.26</b>	<b>243.41</b>
- Cukai Jualan (Pengecualian)	58.62	58.62	58.62
- Subsidi	24.20	25.64	23.79
<b>= Harga Runcit</b>	<b>162.00</b>	<b>160.00</b>	<b>161.00</b>

Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna

Jadual 1.2 : Kenaikan Harga Putara Minyak Di Pasaran Dunia.  
WTI (AS\$ / Setong)

TAHUN	AS\$/Setong
1971	3.21
1973	4.25
1974	12.93
1979	32.11
1980	37.89
1990	23.71
2000	28.14
2001	24.11
2002	25.45
2003	28.84
2004	38.46
2005	67.29
2007	91.36
2008	96.74

Sumber : (IMF dan Bloomberg)

Jadual 1.2 menerangkan kenaikan harga purata minyak di pasaran dunia dari tahun 1971 hingga 2005. Pada tahun 1971 harga purata minyak adalah sebanyak AS\$3.21 setong. Malah ia mengalami peningkatan yang begitu banyak sebanyak AS\$37.89 dalam masa sembilan tahun iaitu mengalami peningkatan sebanyak AS\$34.68 per setong. Pada tahun 1990 harga purata minyak telah menurun sebanyak AS\$23.71 per setong dan meningkat semula pada tahun 2000 iaitu sebanyak AS\$28.14. Pada tahun 2005 harga purata minyak mencecah sebanyak AS\$67.29 setong dan harganya mencecah kepada AS\$96.74 per setong pada tahun 2008.

Secara perbandingan, harga minyak di Malaysia lebih murah berbanding dengan kebanyakan negara yang mengeluarkan minyak. Malah ia adalah antara harga yang terendah di dunia. Perbezaan harga diesel antara Malaysia dengan Thailand dan Singapura misalnya, sangat ketara. Sebab itu, apabila rakyat negara tersebut masuk ke Malaysia, mereka mengisi penuh tangki minyak kenderaan mereka.

Jadual 1.3 : Harga Petrol Di Negara Pengeluar

<b>Negara</b>	<b>RM/Liter</b>
Emiriah Arab Bersatu	1.19
Mesir	1.03
Bahrain	0.87
Qatar	0.68
Kuwait	0.67
Arab Saudi	0.38
Iran	0.35
Nigeria	0.32
Turkmenistan	0.25
Venezuela	0.16

Sumber : CNNMoney.com

Kadar pertukaran US\$1 : RM 3.23

Jadual 1.3 menunjukkan harga petrol per liter bagi negara pengeluar minyak. Dalam jadual ini kita dapat mengetahui bahawa, negara Emiriah Arab Bersatu mempunyai harga minyak yang paling tinggi berbanding dengan negara-negara pengeluar minyak yang lain iaitu sebanyak RM 1.19 per liter. Berikut dengan negara Mesir yang merupakan pengeluar minyak yang kedua menetapkan harga yang kedua tertinggi iaitu sebanyak RM 1.03 per liter. Negara Venezuela merupakan negara yang menetapkan harga minyak yang terendah iaitu sebanyak RM 0.16 per liter.

Jadual 1.4 : Bandingan Harga Minyak Di Rantau ASEAN Pada Tahun 2005

<b>Negara</b>	<b>PETROL (RM/Liter)</b>	<b>DIESEL (RM/Liter)</b>	<b>LPG (RM/Kg)</b>
Malaysia	1.62	1.28	1.45
Thailand	2.37	2.08	1.65
Singapura	3.91	2.61	-
Filipina	2.21	1.95	1.25
Indonesia	1.68	0.96	-
Brunei	1.22	0.71	1.40

Sumber : ( News Watch)

Jadual 1.4 menunjukkan bandingan harga minyak di rantau ASEAN pada tahun 2005 iaitu Malaysia, Thailand, Singapura, Filipina, Indonesia dan Brunei. Negara yang mempunyai harga minyak yang tertinggi adalah Singapura iaitu sebanyak RM 3.91 per liter dan harga diesel adalah sebanyak RM 2.61 per liter. Harga minyak di negara Thailand adalah sebanyak RM 2.37 per liter dan harga diesel adalah sebanyak RM 2.08 per liter. Harga minyak petrol di Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan negara Singapura dan Thailand.

Jadual 1.5 : Fakta Rentetan Kenaikan Harga Minyak Negara Malaysia Bermula Dari Tahun 1990

<b>TAHUN</b>	<b>HARGA PER LITER</b>	<b>KENAIKAN HARGA</b>
Sebelum tahun 1990	RM 0.89	-
Tahun 1990	RM 1.10	kenaikan RM 0.21
01/10/2000	RM 1.20	kenaikan RM 0.10
20/10/2001	RM 1.30	kenaikan RM 0.10
01/05/2002	RM 1.32	kenaikan RM 0.02
31/10/2002	RM 1.33	kenaikan RM 0.01
01/03/2003	RM 1.35	kenaikan RM 0.02
01/05/2004	RM 1.37	kenaikan RM 0.02
01/10/2004	RM 1.42	kenaikan RM 0.05
05/05/2005	RM 1.52	kenaikan RM 0.10
31/07/2005	RM 1.62	kenaikan RM 0.10
28/02/2006	RM 1.92	kenaikan RM 0.30
04/06/2008	RM 2.70	kenaikan RM 0.78
23/08/2008	RM 2.55	Penurunan RM0.15
16/10/2008	RM 2.15	Penurunan RM 0.40
18/11/2008	RM 2.00	Penurunan RM 0.15
12/12/2008	RM 1.80	Penurunan RM 0.20

Sumber: Berdasarkan penyelidikan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Jadual 1.5 menerangkan fakta rentetan kenaikan harga minyak negara Malaysia bermula dari tahun 1990 hingga pada tahun 2008. Jadual ini menunjukkan harga minyak tidak pernah menurun. Pada tahun 1990 harga minyak adalah sebanyak RM 1.10 per liter. Lama kelamahan harganya meningkat sedikit demi sedikit. Tetapi pada 04.06.2008, harganya telah meningkat sebanyak RM 2.55 per liter. Keadaan ini amat merungsingkan masyarakat di negara kita kerana harga barang runcit turut meningkat akibat daripada kenaikan harga minyak. Didapati harga minyak telah menurun pada 12.12.2008 iaitu pada harga RM 1.80 per liter. Tetapi harga barangan masih tidak turun lagi dan memberi masalah kepada masyarakat setempat.

Jadual 1.6 : Purata Indeks Sekumpulan Makanan Dan Minuman Bukan Alkohol Dari  
Mei 2007 – Mei 2008

KUMPULAN	NOMBOR INDEKS	NOMBOR INDEKS	PERUBAHAN PERATUS
	JAN – MEI 2007	JAN – MEI 2008	
Makanan dan minuman bukan alkohol	105.6	111.2	5.3
Makanan	105.7	111.3	5.3
Beras, roti dan bijirin lain	102.9	112.3	9.1
Daging	99.9	105.2	5.3
Ikan dan makanan laut	111.5	115.5	3.6
Susu, keju dan telur	101.9	115.8	13.6
Minyak dan lemak	100.7	102.2	1.5
Buah – buahan	102.7	105.5	2.7
Sayur – sayuran	112.7	116.4	3.3
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	101.6	103.5	1.9
Keluaran makanan yang tidak dikelaskan di mana - mana	104.8	108.3	3.3
Makanan di luar rumah	106.0	110.9	4.6
Kopi, teh, koko dan minuman bukan Alkohol	103.1	109.4	6.1

Sumber : Jabatan perangkaan di negeri Terengganu pada tahun 2008

Akibat daripada kenaikan harga minyak, harga barang runcit juga turut meningkat kerana kos untuk pengangkutan yang menghantar barang runcit adalah tinggi. Disebabkan oleh kenaikan harga barangan runcit, harga makanan di restoran-restoran juga turut naik. Berikut adalah contoh jadual bagi nombor purata indeks sekumpulan makanan dan minuman bukan alkohol bagi tempoh Januari hingga Mei pada tahun 2007 dan Januari hingga Mei pada tahun 2008 yang diambil dari Jabatan Perangkaan di Negeri Terengganu.


## 1.1 Profile Negeri Terengganu

Jadual 1.7 : Keluasan Mengikut Daerah

DAERAH	KELUASAN (Ha)	PERATUS
BESUT	123,367.8	9.52
DUNGUN	273,503.1	21.11
HULU TERENGGANU	387,462.6	29.91
KEMAMAN	253,559.9	19.57
KUALA TERENGGANU	60,528.1	4.67
MARANG	66,654.3	5.15
SETIU	130,436.3	10.07
JUMLAH	1,295,512.1	100.00



Carta 1.2 : Peratus Keluasan Mengikut Daerah



Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu


Carta 1.2 menunjukkan peratus keluasan Negeri Terengganu mengikut 7 daerah iaitu Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang dan Setiu. Jumlah keluasan bagi keseluruhan adalah sebanyak 1,295,512.1 hektar. Di mana 7 daerah ini, Hulu Terengganu mempunyai keluasan yang besar berbanding dengan daerah lain iaitu 29.91%. Menurut carta di atas, daerah yang mempunyai keluasan yang paling kecil adalah Marang iaitu sebanyak 5.15% sahaja.

## 1.1.1 Bilangan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur 2007

Jadual 1.8 : Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Pada Tahun 2007

DAERAH	0-14			15-64			65 ke atas		
	L	P	JMLH	L	P	JMLH	L	P	JMLH
BESUT	26,400	25,500	51,900	44,800	43,600	88,400	2,600	2,900	5,500
DUNGUN	29,600	26,500	56,100	51,900	45,600	97,500	3,000	3,100	6,100
HULU TERENGGANU	13,600	12,900	26,500	23,100	22,200	45,600	1,300	1,400	2,700
KEMAMAN	31,000	28,600	59,600	56,400	49,300	105,700	3,100	3,400	6,500
KUALA TERENGGANU	63,400	61,500	124,900	107,300	105,800	213,100	6,400	7,400	13,800
MARANG	18,700	17,500	36,200	31,500	29,800	61,300	1,900	2,000	3,900
SETIU	11,400	11,000	22,400	19,600	18,600	38,200	1,200	1,300	2,500
JUMLAH	194,100	183,600	377,700	334,700	314,700	649,400	19,200	21,600	40,800

Carta 1.3 : Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Pada Tahun 2007



Nota:

Jumlah campuran mungkin berbeza kerana pembulatan.

Unjuran penduduk telah diselaraskan mengikut unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

L – Lelaki      P – Perempuan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2007

Carta 1.3 menunjukkan bilangan penduduk di negeri Terengganu mengikut kumpulan umur pada tahun 2007 bagi setiap daerah. Didapati Kuala Terengganu merupakan negeri yang mempunyai bilangan penduduk yang paling ramai bagi 3 kumpulan umur iaitu dari 0-14 tahun, dari 15-64 tahun dan 65 tahun ke atas. Seterusnya daerah Kemaman merupakan bilangan penduduk yang kedua tertinggi bagi 3 kumpulan umur yang sama. Walaupun Hulu Terengganu merupakan daerah yang paling terbesar daripada daerah-daerah yang lain di negeri Terengganu, tetapi ia mempunyai bilangan penduduk yang paling sedikit. Di antara 7 daerah ini, Setiu merupakan bilangan penduduk yang paling rendah bagi 3 kumpulan umur.

### 1.1.2 Penglibatan Tenaga Buruh

Jadual 1.9 : Penglibatan Tenaga Buruh

<b>PENDUDUK &amp; TENAGA BURUH</b>	<b>1990</b>	<b>2000*</b>	<b>2007**</b>
PENDUDUK	752,026	898,825	1,067,900
BILANGAN PENDUDUK DALAM KUMPULAN UMUR BEKERJA (15 – 64)	400,153	502,483	649,400
KADAR PENTERTAAN TENAGA BURUH (%)	67.5	66.8	61.0
JUMLAH TENAGA BURUH	270,103	335,659	396,134
KADAR PENGANGGURAN	8.8	4.2	3.2
BILANGAN MENGGANGGUR	23,769	14,098	12,676
BILANGAN ORANG YANG BEKERJA	246,334	321,561	383,458

\* Pengiraan semula

\*\* Pengiraan dibuat berasaskan kepada bilangan penduduk yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber : Unit Perancang Negeri Terengganu pada tahun 2007.

Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2007.

### 1.1.3 Pendapatan Penduduk

Jadual 1.10 : Jumlah Pendapatan Penduduk

PETUNJUK TERPILIH	1990	1995	2007
KDNK (RM Juta)	8,171.5	12,082.9	31,844.1*
KDNK PER KAPITA (RM)	10,759.8	13,636.1	29,810.3*
PENDAPATAN PURATA ISI RUMAH BULANAN (RM)	905.0	1,113.0	2,463.0

Nota: Angka KDNK dan KDNK Per Kapita mengikut harga tahun 1987.

\* Pada harga asas 2000

Jadual di atas menunjukkan pendapatan penduduk di negeri Terengganu bagi 3 tahun iaitu pada tahun 1990, 1995 dan 2007. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tertinggi adalah pada tahun 2007 iaitu mencapai angka sebanyak RM 31,844.1 Juta pada harga asas 2000. Bagi KDNK per kapita, angka yang paling tinggi adalah pada tahun yang sama iaitu mencapai sebanyak RM 29,819.3 pada harga asas 2000. Pendapatan purata isi rumah bulanan yang tinggi adalah pada tahun 2007 iaitu mencapai angka sebanyak RM 2,4463.0. Pendapatan purata isi rumah bulanan yang mencapai angka yang paling rendah adalah pada tahun 1990 iaitu sebanyak RM 905.0.

## 1.1.4 Pengeluar Minyak

Jadual 1.11 : Jumlah Pengeluaran Petroleum Mentah

PENGELUARAN	1980	1990	1995	2007
PETROLEUM MENTAH ('000 tong)	42,705 (100,630)	120,450 (219,219)	141,255 (237,250)	118,500^ (196,100)
GAS ASLI (Juta kaki padu)	26,280 (94,170)	171,915 (681,090)	503,700 (1,288,450)	158,300^ (1,121,400)^

Sumber: Petronas Wilayah Timur

Nota: ( ) = Angka bagi Malaysia

^ = Pengeluaran sehingga 1

Januari 2007

Negeri Terengganu merupakan salah satu negeri yang mengeluarkan minyak petroleum mentah dan gas asli. Daripada sumber Petronas wilayah Timur, pada 1995 negeri Terengganu mengeluarkan petroleum mentah sebanyak 219,219 ('000 tong). Angka ini merupakan angka yang paling tinggi berbanding dengan 3 tahun yang lain.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Masalah kajian yang dikaji adalah, didapati kenaikan harga minyak tidak berkurang dan harganya sentiasa melambung tinggi. Kenaikan harga minyak berpunca daripada berlakunya peningkatan inflasi. Inflasi sememangnya semakin meningkat, kian membebankan rakyat dan hakikat itu terbukti apabila indeks harga pengguna (CPI), yang merupakan sebagai indikator utama berlaku kenaikan inflasi. Keadaan ini yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga minyak secara mendadak.

Di dapati kenaikan harga minyak menyebabkan harga barang lain juga turut meningkat. Harga beberapa jenis barang-barang kawalan seperti gula, beras, telur, susu pekat manis dan ayam yang sepatutnya tidak naik kerana dikawal oleh kerajaan, tetapi

didapati harga naik atas alasan kos meningkat akibat kenaikan harga minyak. Selain itu, kenaikan harga minyak diesel dan petrol menyumbang kepada kenaikan harga ikan segar di pasar sekarang. Dengan ini harga makanan di restoran juga telah meningkat. Hal ini lagi merungsingkan pengguna yang berpendapatan rendah.

### **1.3 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat dua objektif yang dibentuk supaya masalah kenaikan harga minyak dapat dibendung. Objektif tersebut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu secara umum dan secara khusus.

#### Objektif umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji kesan akibat kenaikan harga minyak terhadap sosioekonomi masyarakat di negeri Terengganu.

#### Objektif khusus

Objektif khusus terbahagi kepada empat iaitu:

1. Untuk mengkaji adakah kenaikan harga minyak mempengaruhi kenaikan harga barang.
2. Untuk mengkaji adakah kuasa beli penduduk meningkat atau pun menurun akibat kenaikan harga minyak.
3. Untuk mengkaji sama ada simpanan oleh pengguna meningkat atau pun menurun pada masa kenaikan harga minyak.
4. Untuk mengenalpasti kualiti hidup masyarakat di negeri Terengganu akibat daripada kenaikan harga minyak.

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Melalui kajian ini, para pengguna dapat menyesuaikan diri mereka apabila harga minyak meningkat. Berikutan dengan kenaikan harga minyak, terdapat di kalangan peniaga yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Oleh itu sebagai pengguna, rakyat dapat bertindak dengan bijak dalam berbelanja. Ini termasuk bijak dalam membuat pertimbangan berasaskan maklumat serta bertanggungjawab ke atas perbelanjaan.

Selain itu, rakyat dapat mengetahui bagaimana harga minyak naik secara mendadak dan apakah impak yang akan datang daripada kenaikan harga minyak mentah. Jadi pengguna dapat berhemat dalam perbelanjaan dengan berbelanja mengikut keperluan dan kemampuan. Di samping itu, pengguna dapat membuat pilihan yang bijak dengan membandingkan harga dan kualiti barangan sebelum berbelanja. Ini secara langsung dapat meningkatkan kedudukan kewangan keluarga.

## **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian adalah tertumpu kepada di negeri Terengganu. Skop kajian ini adalah untuk mengkaji masalah kenaikan harga minyak petrol di pasaran dan kesan yang berlaku terhadap taraf hidup masyarakat dan ekonomi negara. Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan masalah yang dihadapi oleh pengguna akibat kenaikan harga minyak. Di samping itu, kajian ini juga diskopkan untuk mengkaji punca yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga minyak dan masalah yang timbul serta langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga minyak petrol. Cara pengumpulan data dalam kajian ini adalah melalui data primer dan data sekunder. Data primer akan diperolehi dengan menggunakan kaedah borang soal selidik.

## 1.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah analisis kenaikan harga minyak petrol di pasaran. Pengumpulan data kajian ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk penyelidikan, di mana data primer diperolehi melalui soal selidik yang dijalankan di seluruh negeri Terengganu. Bilangan responden yang disasarkan adalah seramai 145 orang yang dipilih secara rawak. Selain itu, data sekunder juga digunakan sebagai rujukan contohnya melalui jurnal-jurnal, artikel, buku ilmiah, media cetak, laporan-laporan kerajaan dan lain-lain media elektronik. Bagi mencapai objektif kajian, model analisis regresi berbilang iaitu salah satu kaedah ekonometrik yang menggunakan perisian '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS) akan digunakan agar dapat mengukuhkan hasil keputusan kajian akhir dengan melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dipilih dan sumbangannya kepada maklumat tidak simetri yang wujud di dalam masalah kenaikan harga minyak petrol.

Kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah dengan menggunakan Model Regrasi Berbilang. Model Regarasi Berbilang mengandungi satu pembolehubah bersandar iaitu Y dan pembolehubah bebas iaitu X manakala  $\beta$  adalah parameter.

$$Y = \beta_0 + \beta_1X_1 + \beta_2X_2 + \beta_3X_3 + \beta_4X_4 + \beta_5X_5 + \beta_6X_6 + \beta_7X_7 + \epsilon$$

Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini adalah,

KHB = Kenaikan harga barang

TH = Taraf hidup

KB = Kuasa beli

Y = Pendapatan

KSH = Kos sara hidup

S = Simpanan

KBS = Keseimbangan bajet sebulan



## 1.7 Hipotesis Kajian

1.  $H_0$  : Kenaikan harga minyak tidak dapat mempengaruhi kenaikan harga barang.  
 $H_1$  : Kenaikan harga minyak dapat mempengaruhi kenaikan harga barang.
2.  $H_0$  : Kenaikan harga minyak tidak dapat mempengaruhi kuasa beli pengguna.  
 $H_1$  : Kenaikan harga minyak dapat mempengaruhi kuasa beli pengguna.
3.  $H_0$  : Kenaikan harga minyak tidak dapat mempengaruhi taraf hidup pengguna.  
 $H_1$  : Kenaikan harga minyak dapat mempengaruhi taraf hidup pengguna.
4.  $H_0$  : Kenaikan harga minyak tidak dapat mempengaruhi pendapatan pengguna.  
 $H_1$  : Kenaikan harga barang dapat mempengaruhi pendapatan pengguna.
5.  $H_0$  : Kenaikan harga minyak tidak dapat mempengaruhi kos sara hidup pengguna.  
 $H_1$  : Kenaikan harga minyak dapat mempengaruhi kos sara hidup pengguna.
6.  $H_0$  : Kenaikan harga minyak tidak dapat mempengaruhi keseimbangan bajet sebulan pengguna.  
 $H_1$  : Kenaikan harga minyak dapat mempengaruhi keseimbangan bajet sebulan pengguna.
7.  $H_0$  : Kenaikan harga minyak tidak dapat mempengaruhi simpanan pengguna.  
 $H_1$  : Kenaikan harga minyak dapat mempengaruhi simpanan pengguna.

## 1.8 Organisasi Kajian

Penulisan kertas projek ini akan diorganisasikan di dalam lima bab yang utama iaitu:

### 1.8.1 Bab 1 : Pengenalan

Dalam bab ini membincangkan mengenai analisis kenaikan harga minyak dan kesannya terhadap sosioekonomi masyarakat di negeri Terengganu. Di samping itu, persoalan kajian akan dikupas dan objektif umum dan khusus diketengahkan untuk melancarkan perjalanan kajian. Selain itu, skop dan metodologi kajian juga diterangkan dengan jelas dalam bab ini.

### 1.8.2 Bab 2 : Ulasan Karya

Bab ini merujuk kepada penerangan tajuk kajian yang lepas. Justeru, pengumpulan kajian-kajian lepas daripada pelbagai sumber sekunder oleh para cendekiawan serta pakar ekonomi bagi membantu kajian ini dijalankan.

### 1.8.3 Bab 3 : Metodologi

Dalam bab ini, penulis menerangkan metodologi kajian dan teori yang digunakan dalam kajian menganalisis kenaikan harga minyak mentah dan kesannya terhadap sosioekonomi masyarakat di negeri Terengganu. Kaedah yang akan digunakan adalah kaedah ekonometrik iaitu menggunakan model regresi berbilang dan output data diperolehi menggunakan perisian '*Statistical Package for Social Science*' (SPSS). Di samping itu, pelbagai ujian terhadap pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar akan dijalankan. Model yang akan digunakan dalam kajian ini secara menyeluruh juga akan dijelaskan.

#### 1.8.4 Bab 4 : Analisis Dan Keputusan Kajian

Bab ini merujuk merujuk kepada penganalisan hasil keputusan keseluruhan kajian dengan menggunakan pelbagai ujian. Setiap keputusan akan dihuraikan dengan jelas serta dipersembahkan dalam bentuk graf, rajah dan jadual. Beberapa intepretasi hasil dari keputusan yang diperolehi akan diutarakan dalam bahagian ini.

#### 1.8.5 Bab 5 : Kesimpulan Dan Cadangan

Bab ini merupakan bab terakhir di dalam kajian ini. Bab ini akan merumuskan hasil kajian serta membincangkan keputusan dan cadangan berdasarkan kepada kajian ini agar dapat mengatasi masalah kenaikan harga minyak mentah dan kerjasama daripada pengguna untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak.

### **1.9 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, daripada hasil kajian ini saya harap punca dan kesan kepada pengguna akibat kenaikan harga minyak petrol dapat diatasi. Seterusnya kerajaan harus mengambil langkah yang sewajarnya daripada hasil kajian ini. Sebagai pengguna rakyat perlulah bertindak dengan bijak dalam perbelanjaan mereka. Rakyat perlu sedar bahawa dalam masa 19 tahun lagi, tiada setitik minyak pun akan dapat dikeluarkan dari muka bumi atau dasar laut Malaysia. Oleh itu, kita perlu menggunakan hasil petroleum ini dengan berhemat. Rakyat mesti menyokong usaha Kerajaan berhubung dengan penggunaan tenaga secara berhemat. Kerajaan juga perlu bertindak tegas terhadap peniaga yang tidak bertanggungjawab yang mengaut keuntungan.

**BAB**

**2**

## **BAB 2**

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

#### **2.0 Pendahuluan**

Melalui bab ini, kita akan melihat kepada beberapa kajian yang lepas dengan melihat kenaikan harga minyak dan impaknya kepada masyarakat setempat serta pertumbuhan ekonomi sesebuah negara berdasarkan tujuan analisis dan metodologi yang berbeza. Ini bertujuan bagi mengelakkan kesilapan yang telah berlaku dalam pemilihan pembolehubah dan analisis ekonomi. Selain itu, pembolehubah-pembolehubah atau idea bernas bagi melengkapkan projek ini dijalankan dengan lebih lancar. Sumber-sumber sorotan kajian ini adalah jurnal dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kertas projek ini. Kebanyakan sumber-sumber ini diperolehi melalui internet.

#### **2.1 Ulasan Kajian Lepas**

Menurut Dickson pada tahun 1999, dalam jurnal yang bertajuk “Do high oil prices justify an increase in taxation in a mature oil province? The case of the UK continental shelf” beliau menyatakan bahawa kaedah tinjauan untuk permintaan tenaga, bekalan minyak, permintaan untuk pengangkutan minyak, penembusan pasaran-pasaran minyak oleh gas, pembentukan harga minyak, keselamatan tenaga, dan isu-isu lain yang berkaitan dengan minyak adalah ibarat perubahan iklim. Dalam jurnal ini penulis mengkaji pada tahun 2004 dan 2005. Beliau memfokus kepada kesan terhadap perubahan hasil kerajaan dengan menggunakan sampel pelontar minyak UKCS.

Dalam jurnal yang bertajuk “Effect of oil price increases on developing countries” Richard Westoby pada tahun 1986 telah membuktikan bahawa kenaikan harga minyak akan memberi kesan kepada perubahan terhadap GDP dalam sesebuah negara. Dalam jurnal ini beliau menyatakan bahawa perbezaan terhadap kesan keatas kejutan kenaikan harga minyak kedua terhadap GDP dalam empat buah negara yang terpilih dan kebanyakannya adalah bertekad oleh keterbukaan dari setiap ekonomi negara. Beliau juga telah mengaplikasikan model keseimbangan yang umum kepada empat buah negara iaitu Ivory Coast, Kenya, South Korea dan Turkey. Hasil kajian daripada jurnal ini adalah terdapat beberapa faktor yang menyebabkan perubahan dalam GDP iaitu perubahan dalam nilai mata wang asing dan ini akan memberi kesan kepada import dan eksport negara tersebut.

Dalam jurnal yang bertajuk “Impact of higher oil prices on the Chinese economy”, Sana Zaouali pada tahun 2007 menyatakan bahawa permintaan terhadap minyak adalah meningkat pada tahun yang lepas. Negara China merupakan negara yang kedua terbesar yang menggunakan minyak di dunia berbanding dengan United States. Tujuan utama jurnal ini adalah untuk menganalisis kuantitatif terhadap kesan yang bakal dihadapi akibat kenaikan harga minyak terhadap ekonomi negara China. Beliau telah menggunakan kaedah makroekonomi dan kesan sector untuk menilai serta menggunakan model keseimbangan umum (CGE). Beliau menggunakan dua formula iaitu mengandaikan kenaikan harga minyak antarabangsa sebanyak US\$10 dan kenaikan sebanyak \$25.

Daripada laporan yang dikeluarkan oleh China Chemical Reporter (CCR) pada 16 Oktober 2005 yang bertajuk “High Oil Price Continues to Support High Profit” menyatakan bahawa industri petrochemical di China telah mendapat hasil jualan sebanyak RMB 1481.681 billion, iaitu peningkatan sebanyak 35.41% berbanding dengan pada tahun yang lepas iaitu keuntungan sebanyak RMB 171.473 billions, iaitu sebanyak 37.28%. Daripada laporan ini didapati bahawa keuntungan yang banyak akan diperolehi

daripada kenaikan harga minyak yang berterusan. Oleh itu kerajaan negara China menetapkan harga minyak mesti dinaikkan.

Menurut Salman Saif Ghouri pada tahun 2001, dalam jurnal yang bertajuk “ Oil demand in North Amerika in year 1980-2020”, beliau menganalisis harga dan pendapatan adalah dari permintaan minyak di United States, Canada dan Mexico dalam masa 1980 hingga 1999. Dalam jurnal ini beliau mendapati bahawa aktiviti ekonomi merupakan faktor utama yang mempengaruhi penggunaan minyak di setiap negara. Penulis dalam jurnal ini, menyatakan bahawa permintaan adalah satu konsep yang dinamik dan gerak balas pengguna kepada perubahan harga akan dipengaruhi oleh teknologi dan halangan yang lain. Beliau mengandaikan bahawa kelakuan penggunaan minyak boleh dijelaskan dengan model statistik yang mudah. Secara keseluruhan jurnal ini menganalisis permintaan minyak di USA, Canada dan Mexico dalam tahun 1980 hingga 1999 dengan menggunakan analisis kuantitatif dan kualitatif.

Menurut Pindycks pada tahun 1999 dalam jurnal yang bertajuk “Why do Oil Price jump (or fall)?”, beliau menyatakan bahawa harga minyak sentiasa meningkat secara statistik. Terdapat beberapa faktor yang timbul melalui kajian beliau iaitu berlaku persaingan dengan bahan api lain di pasaran tenaga. Selain itu, ketersediaan kapasiti pengeluaran dan juga berlaku persaingan di kalangan pengeluar-pengeluar minyak. Selain itu, harga minyak meningkat kerana berlaku perang Iraq dan Perang Teluk menyebabkan telaga minyak terbakar. Perang ini menyebabkan kos minyak meningkat dan cari gali minyak juga dihentikan. Dengan ini stok minyak mentah telah berkurang di pasaran.

Dalam jurnal yang bertajuk “The impact of emissions trading on OPEC”, penulis Shokri Ghanem, Rezki Lounnas dan Garry Brennand pada tahun 1999 telah menyatakan bahawa permintaan minyak di pasaran dunia akan meningkat kepada 88 million barrels bagi setiap hari pada tahun 2010 dan akan meningkat lagi pada tahun 2020. Dalam jurnal

ini penulis menyatakan bahawa kenaikan harga minyak dipengaruhi oleh perubahan iklim. Daripada analisis tentang perubahan iklim, penulis mendapati bahawa cuaca buruk yang dialami oleh beberapa negara pengeluar minyak seperti Hurricane Emily di Mexico yang menjejaskan pengeluaran minyak di negara itu sendiri. Ini menyebabkan penawaran minyak akan dikurangkan dan harga minyak petroleum juga akan meningkat.

Dalam satu forum yang bertajuk “World Oil Prices”, penulis menyatakan bahawa masalah geopolitik seperti ribut taufan di Teluk Caribbean dan perang di Iraq dan kemungkinan Iran diserang oleh Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah menyebabkan bekalan petroleum tidak dapat ditingkatkan. Amerika Syarikat sentiasa cuba meluaskan hegemoni di Asia Barat dan Asia Tengah agar negara-negara ini tidak menghentikan bekalan petroleum ke negaranya. Didapati saluran paip minyak dari utara Iraq ke Turki masih belum cukup berjaya. Begitu juga saluran paip minyak dari Turkministan melalui Afghanistan masih menemui jalan buntu. Selat Hormuz pula terlalu bahaya untuk membawa kapal tangki minyak kerana terdedah kepada periuk api dan serangan hendap oleh penganas dan lanun di laut.

Dalam jurnal yang bertajuk “Oil Price Movement and the Arabian Gulf economics A sectoral analysis” penulis yang bernama Richard G. Zind pada tahun 1999 telah mengkaji perubahan harga minyak dan kesannya terhadap prestasi ekonomi terhadap enam buah negara pengeksport utama iaitu Bahrain, Oman, Qatar, Saudi Arabia dan United Arab Emirates (UAE). Minyak merupakan hasil, harta kekayaan dan pertukaran pendapatan asing bagi enam buah negara yang tersebut. Daripada jurnal ini beliau menggunakan anova dan analisis korelasi. Dengan menggunakan metod ini, beliau mendapati bahawa pembolehubah-pembolehubah harga minyak akan mempengaruhi harga minyak meningkat dan prestasi ekonomi negara akan terjejas.



Dalam jurnal yang bertajuk “Inflation effect of crude oil prices in Turkey” penulis yang bernama Hakan Berument pada tahun 2002, mengkaji tentang kesan inflasi terhadap kenaikan harga minyak di Turkey. Di bawah upah yang tetap, keuntungan dan kadar bunga, kesan daripada kenaikan harga minyak terhadap inflasi adalah terbatas. Walaubagaimanapun apabila upah dan tiga factor yang lain daripada pendapatan adalah biasa kepada tingkat harga yang umum termasuk kenaikan harga minyak dan kesan inflasi daripada kenaikan harga minyak adalah bermakna. Dalam jurnal ini pengkaji menggunakan jadual input dan output sebagai metod untuk mengira bagaimana tingkat harga yang umum boleh berubah apabila berlaku perubahan dalam kenaikan harga minyak.

## **2.2 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, pengaruh faktor-faktor kenaikan harga minyak memberi impak kepada masyarakat dan juga pertumbuhan ekonomi negara dapat dikenal pasti dengan lebih jelas melalui sorotan kajian yang dibuat. Sorotan kajian memang boleh dikatakan sebagai satu garis panduan yang baik bagi membolehkan saya lebih memahami tentang tajuk projek ini dan membantu saya menyiapkan kertas projek ini dengan lebih sempurna dan lancar.

**BAB**

**3**

## BAB 3

### METODOLOGI

#### 3.0 Pendahuluan

Tujuan kajian saintifik ialah untuk mengenalpasti dan menjelaskan perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang diselidiki oleh pengkaji bagi menjawab persoalan-persoalan dan hipotesis kajian. Metodologi yang dikemukakan membantu untuk memudahkan pentadbiran kajian dan menganalisis data daripada responden. Seterusnya satu pentafsiran yang jitu dan sistematik ke atas dapatan kajian dibuat agar satu keputusan kajian yang sah diperolehi. Metodologi juga merujuk kepada cara kita memperoleh maklumat bagi mencapai sesuatu tujuan penyelidikan.


Model penyelidikan merupakan asas panduan kepada penyelidik di dalam membuat penyelidikan. Ia menjadi satu panduan bagi penyelidik. Tujuannya supaya memudahkan penyelidik membuat, mencari, mengumpul, menganalisis, membanding dan sebagainya maklumat yang diperolehi.

Selain itu, memastikan data yang diperolehi tepat dan bersesuaian mengikuti kehendak objektif hasil daripada permasalahan kajian. Urutan perlu diikuti supaya data terperinci dapat diperolehi. Melalui panduan ini, masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan penyelidikan ini dapat disiapkan pada tempoh yang ditetapkan.

Di samping itu, dapat mengelakkan daripada ketinggalan maklumat penting di mana-mana bahagian penyelidikan. Dengan itu, kesemua sub bahagian di dalam kaedah penyelidikan dapat disempurnakan dengan baik dan memperoleh gambaran yang jelas tentang kajian yang hendak dijalankan.

### 3.1 Model Penyelidikan

Secara ringkasnya, model penyelidikan dibina bagi memudahkan kajian secara terperinci mengikut perancangan urutan penyelidikan. Modelnya adalah seperti berikut :



### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dilakukan ialah untuk menganalisis kenaikan harga minyak petrol dan kesannya terhadap sosioekonomi masyarakat di negeri Terengganu. Cara pengumpulan data untuk menjalankan kajian ini adalah melalui analisis terhadap data primer melalui kaedah soal selidik serta pengumpulan data sekunder. Dalam kajian ini, diandaikan kenaikan harga minyak petrol memberi kesan kepada masyarakat serta pertumbuhan ekonomi di negeri Terengganu.

Pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah kenaikan harga barang, taraf hidup, kuasa beli, pendapatan, kos sara hidup, keseimbangan bajet sebulan dan simpanan oleh pengguna. Pendekatan reka bentuk kajian ini ialah berdasarkan kepada Model Regrasi Berbilang yang mana data juga di analisis dan dilaporkan dalam bentuk huraian peratusan dan juga hubungan antara pembolehubah. Maka kesesuaian reka bentuk Model Regrasi Berbilang amat sesuai untuk membuat analisis dan laporan yang sistematik dan jelas.

### **3.3 Tumpuan Kajian**

Kajian ini akan dilakukan di negeri Terengganu. Data yang diperolehi daripada soal selidik yang dilakukan di mana-mana daerah atau kawasan akan disatukan menjadi data untuk keseluruhan bagi negeri Terengganu.

### **3.4 Subjek Kajian**

Subjek kajian yang dipilih ialah terdiri daripada responden yang berumur 18 tahun dan ke atas. Pemilihan responden yang berumur 18 tahun ke atas adalah disebabkan mereka telah menamatkan pelajaran mereka sekurang-kurangnya menamatkan persekolahan

peringkat menengah. Pada kebiasaanya, responden yang berusia 18 tahun akan memilih untuk bekerja atau pun menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Bilangan responden yang akan diambil adalah seramai 145 orang yang terdapat di seluruh kawasan negeri Terengganu. Pemilihan sampel responden adalah berdasarkan kepada kaedah Persampelan Rawak yang mana responden yang dipilih adalah berdasarkan secara rawak tetapi mestilah berusia 18 tahun dan ke atas.

### **3.5 Instrumen Kajian**

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik ini terdiri daripada 3 bahagian iaitu:

Bahagian A : Maklumat diri atau biodata.

Bahagian B : Pekerjaan dan pendapatan ketua isi rumah.

Bahagian C : Taraf hidup responden selepas kenaikan harga minyak.

Bagi menentukan sama ada terdapat kolerasi antara indikator-indikator yang dipilih, kajian akan menganalisis input-input dari soal selidik tersebut dengan menggunakan pakej SPSS. Hasil dari analisis akan menentukan sama ada kajian ini berkesan atau tidak.

### 3.6 Prosedur Kajian

Menurut Sidek Mohd (2002), prosedur kajian adalah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengkaji untuk menjalankan sesuatu kajian dari awal hingga kajian ini berakhir. Ini termasuklah menyediakan cadangan penyelidikan, menyediakan set soal selidik, menjalankan soal selidik, memasukkan data ke dalam komputer, menganalisis data dan menyediakan laporan akhir penyelidikan.

Antara langkah pertama yang digunakan oleh pengkaji untuk menyiapkan kajian ini adalah menyediakan kertas cadangan penyelidikan (*proposal*). Selepas itu, borang selidik akan dibuat untuk menjalankan kajian. Responden akan dipilih secara rawak di seluruh kawasan di negeri Terengganu. Sampel kajian di terangkan terlebih dahulu tentang tujuan kajian, hasil dapatan kajian, kerahsiaan maklumat diri dan dapatan akan dilaporkan secara umum bukannya individu.

Tujuan kajian ini akan diterangkan secara lisan kepada responden supaya responden faham kajian ini dijalankan. Hal ini bertujuan supaya responden atau sampel menjawab dengan jujur dan rasa selamat. Hal ini juga akan memungkinkan responden untuk bekerjasama dalam menjawab soal selidik. Masa menjawab tidak dihadkan kepada responden supaya mereka dapat menjawab soalan dengan tenang dan jujur serta tidak merosakkan soal selidik. Namun demikian responden hanya menjawab soalan-soalan soal selidik dalam jangka masa 15 hingga 20 minit sahaja.

### 3.7 Pengumpulan Data

Kajian ini cuba menganalisis tentang kenaikan harga minyak dan kesannya terhadap sosioekonomi masyarakat di negeri Terengganu. Oleh itu, data-data yang dikumpulkan melibatkan data primer dan data sekunder. Secara ringkasnya, data-data yang diperolehi melibatkan dua peringkat iaitu :

i. Peringkat pertama

Pengumpulan data-data daripada Laporan Ekonomi Tahunan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Jabatan Perangkaan Malaysia, internet dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Analisis secara diskriptif akan digunakan untuk menganalisis input-input yang diperolehi dari kajian.

ii. Peringkat kedua

- a) Pengumpulan data dengan kaedah tinjauan melalui pemerhatian data temubual dari borang soal selidik untuk mendapatkan data bagi tujuan triangulasi terhadap dapatan maklumat.
- b) Kajian ini juga akan melihat masalah-masalah yang mungkin timbul kepada masyarakat apabila harga minyak meningkat secara mendadak.
- c) Data yang diperolehi ini akan dianalisis dengan menggunakan analisis diskriptif dan analisis ekonomi.
- d) Data-data yang diperolehi dari soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan pakej statistik iaitu kaedah (SPSS).



- e) Data-data yang diperolehi dari soal selidik akan dianalisis dengan ‘ *Statistical Package for Social Science*’ (SPSS). Disini ujian-ujian bagi analisis soal selidik, akan memberikan satu petunjuk tentang kenaikan harga minyak petrol dan kesannya terhadap sosioekonomi masyarakat di Negeri Terengganu.

### 3.8 Penganalisan Data

Soal selidik yang telah lengkap dijawab akan dianalisis menggunakan SPSS. Dengan menggunakan pakej computer SPSS, proses analisis data dapat di peringkatkan secara sistematik. Hasil kajian ini juga akan dibincangkan dalam bab-bab seterusnya. Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk:

i. Min

Nilai min boleh didefinisikan sebagai purata nilai yang diperolehi bagi setiap pembolehubah yang dikaji. Nilai min yang tinggi bermaksud adanya kesan terhadap sosioekonomi masyarakat akibat daripada kenaikan harga minyak petrol. Pengiraan min terbahagi kepada dua iaitu min populasi dan min sampel.

$$x = \frac{\Sigma X}{n}$$

Di mana,

$x$  = Min sampel

$\Sigma$  = Hasil tambah

$X$  = Nilai cerapan

$n$  = Bilangan unsur dalam sampel

ii. Sisihan piawai

Bagi melengkapkan analisis, nilai sisihan piawai perlu diketahui setelah mendapatkan nilai min, nilai sisihan piawai juga boleh di peroleh bagi setiap pembolehubah. Untuk mengira nilai sisihan piawai, nilai varians perlu diketahui terlebih dahulu untuk mengira varians dan sisihan piawai.

- Varians sampel

$$S^2 = \frac{\Sigma(x - \bar{x})^2}{n - 1}$$
$$= \frac{\Sigma x^2}{n - 1}$$

- Sisihan piawai

$$S = \sqrt{S^2}$$
$$= \sqrt{\frac{\Sigma(x - \bar{x})^2}{n - 1}}$$
$$= \frac{\sqrt{\Sigma x^2}}{n - 1}$$

Dimana ;

$S^2$  = Varians sampel

$s$  = Sisihan piawai

$x$  = Min sampel

$n - 1$  = Bilangan unsur dalam sampel tolak

iii. Analisis p-value (nilai-p)

Untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara pembolehubah bersandar (Y) dengan pembolehubah bebas (X), nilai p (p-value) akan digunakan. Syarat utama analisis ini adalah aras keertian mesti melebihi nilai p (p-value)

Aras Keertian ( $\alpha$ ) > Nilai p (p-value)

Bagi analisis ini, aras keertian ( $\alpha$ ) yang digunakan adalah 0.05 yang mana digunakan untuk menguji sama ada pembolehubah bebas itu mempunyai hubungan ataupun tidak.

### 3.9 Model Kajian

Model yang akan digunakan dalam kajian ini adalah Model Regresi Berbilang. Model Regresi Berbilang merupakan model yang mengandungi 1 pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas yang mana tujuh pembolehubah dipilih. Ianya dipilih bagi mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan taraf pendidikan di kalangan individu. Model Regresi Berbilang yang dibentuk adalah seperti berikut :

$$KHM = \beta_0 + \beta_1KHB + \beta_2TH + \beta_3Y + \beta_4KB + \beta_5KSH + \beta_6KBS + \beta_7S + \varepsilon$$

Di mana ;

- KHM = Kenaikan Harga Minyak
- TH = Taraf Hidup
- Y = Pendapatan
- KB = Kuasa Beli
- KSH = Kos Sara Hidup
- KBS = Keseimbangan Bajet Sebulan
- S = Simpanan

### **3.10 Pembolehubah-pembolehubah**

#### Kenaikan Harga Barang

Kenaikan harga minyak akan mempengaruhi harga barang meningkat apabila harga minyak meningkat. Apabila harga minyak meningkat, secara langsung ia akan memberi impak kepada harga barang lain juga turut meningkat.

#### Taraf Hidup

Taraf hidup dipilih sebagai pembolehubah yang kedua kerana kenaikan harga minyak menyebabkan taraf hidup masyarakat akan menurun. Ini kerana apabila harga minyak meningkat sudah tentu harga barangan akan meningkat. Oleh itu, pengguna akan mengurangkan berbelanja lebih. Sebagai contoh, harga minyak meningkat pengguna tidak akan membeli kereta lama berbanding dengan kereta baru. Ini kerana minyak bagi kereta lama lebih jimat berbanding dengan kereta baru.

#### Kuasa Beli

Kuasa beli dipilih sebagai pembolehubah yang ketiga kerana kenaikan harga minyak akan menentukan kuasa beli pengguna meningkat atau pun menurun. Seperti mana kita tahu apabila harga minyak meningkat, ia akan menyebabkan harga barang lain juga meningkat. Jadi pengguna akan berjimat cermat dalam perbelanjaan mereka. Bagi golongan yang berpendapatan rendah, mereka tidak akan membeli barang yang mewah. Jadi di sini kuasa belinya akan menurun dan keadaan ini akan memberi impak kepada ekonomi.

## Pendapatan

Pendapatan pengguna juga dipilih sebagai pembolehubah dalam kajian ini kerana kenaikan harga minyak akan mempengaruhi pendapatan masyarakat. Bagi golongan yang berpendapatan tinggi, kenaikan harga minyak tidak memberi kesan yang begitu besar kepada mereka. Ini kerana jika mereka mendapat pendapatan yang tinggi maka mereka boleh mengisi tangki minyak dengan penuh. Bagi golongan yang berpendapatan rendah, kenaikan harga minyak akan memberi kesan yang besar kerana mereka tidak boleh mengisi minyak dengan penuh kerana bajet mereka tidak seimbang. Mereka mungkin akan memilih alternatif lain seperti menaik bas, keteta api, dan sebagainya.

## Kos Sara Hidup

Kos sara hidup pengguna dipilih sebagai pembolehubah yang seterusnya dalam kajian ini kerana kenaikan harga minyak akan mempengaruhi kos sara hidup masyarakat akan meningkat. Hal ini kerana apabila harga minyak meningkat, sudah tentu harga barang lain pun akan mengikat. Jadi kos perbelanjaan pengguna akan meningkat. Masyarakat terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi disebabkan oleh kenaikan harga barang. Jadi secara langsung ini akan menyebabkan kos sara hidup pengguna akan meningkat apabila harga minyak meningkat.

## Keseimbangan Bajet Sebulan

Keseimbangan bajet sebulan dipilih sebagai pembolehubah yang keenam dalam kajian ini kerana kenaikan harga minyak akan mempengaruhi keseimbangan bajet sebulan masyarakat. Ini bermaksud apabila harga minyak meningkat, kos perbelanjaan sebulan akan meningkat. Jadi bajet perbelanjaan tidak akan seimbang bagi setiap bulan.

## Simpanan

Simpanan oleh pengguna juga dipilih sebagai pembolehubah yang terakhir dalam kajian ini kerana kenaikan harga minyak akan menyebabkan simpanan oleh pengguna akan menurun. Ini kerana apabila harga minyak meningkat, kos perbelanjaan mereka juga akan meningkat. Jadi simpanan oleh pengguna akan berkurang.

### **3.11 Penilaian Model**

Penilaian model dibuat adalah untuk melihat secara keseluruhan sejauhmana kajian ini berkesan secara amnya membantu masyarakat di negeri Terengganu.

Untuk melihat keberkesanan kajian ini, analisis diskriptif akan digunakan. Analisis yang dijalankan ini akan diproses berdasarkan kepada analisis regresi. Analisis regresi digunakan untuk mengira dan menjelaskan serta kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah. Dalam kajian ini, analisis regresi berbilang digunakan berdasarkan nilai koefisyen regresi dari 1 hingga 1. Koefisyen regresi dapat diklasifikasikan dalam dua kategori iaitu positif dan negatif. Regresi yang positif merujuk kepada hubungan yang sama di antara dua pembolehubah. Sebaliknya, bagi regresi yang negatif ia menunjukkan hubungan yang bertentangan di antara dua pembolehubah. Ini bermaksud peningkatan dalam satu pembolehubah ( $x$ ) akan menyebabkan pengurangan dalam pembolehubah yang lain ( $y$ ).

### **3.12 Penutup**

Dalam apa jua penyelidikan, metodologi kajian merupakan bab yang sangat penting. Di sini, kajian akan membentangkan segala apa cara atau kaedah yang akan digunakan untuk menjalankan penyelidikan. Ianya sebagai panduan bagi mencari satu hasil keputusan atau jawapan kepada persoalan permasalahan kajian.

Dalam metodologi yang digunakan, perlunya kesuaian dan ketepatan maklumat yang perlu diperolehi supaya hasil daripada penyelidikan akan menghasilkan keputusan yang tepat. Dalam kajian ini, di samping analisis diskriptif dan analisis ekonomi digunakan, penggunaan pakej SPSS turut digunakan. Ia memberi sumbangan yang penting bagi melihat keberkesanan di dalam menangani masalah kenaikan harga minyak petrol di negeri Terengganu.

Secara keseluruhan bab ini membincangkan kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Kaedah-kaedah kajian ini termasuklah model penyelidikan, reka bentuk kajian, tumpuan kajian, subjek kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, pengumpulan data, penganalisan data, model kajian dan penilaian model.



**BAB**

**4**

## **BAB 4**

### **ANALISIS DAN KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**


Bab ini menghuraikan tentang analisis dan keputusan kajian yang mana ianya bertujuan menganalisis data-data yang diperolehi daripada penyelidikan dan membuat keputusan berdasarkan analisis tersebut. Tujuan analisis ini dilakukan untuk melihat sama ada pembolehubah-pembolehubah yang dipilih signifikan ataupun tidak. Kesahihan dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji melalui edaran soal selidik adalah bergantung kepada kejujuran, keikhlasan yang dilakukan oleh sampel semasa menjawab soal selidik. Pengkaji akan menghuraikan keputusan-keputusan yang diperolehi hasil daripada penganalisan data yang dikumpul melalui soal selidik. Pengkaji akan menggunakan kaedah *Statistic Package for Sosial Science* (SPSS).

#### **4.1 Analisis Deskriptif**

Analisis ini dilaksanakan untuk melihat profail responden, umur, bangsa, bilangan anak, tahap pendidikan, jenis pekerjaan, kerja sampingan, pendapatan, pandangan responden tentang pendapatan, taraf hidup, simpanan, kenaikan harga minyak, hidangan makanan utama dalam seminggu, dan kuasa beli akibat daripada kenaikan harga minyak dinyatakan dalam bentuk peratus dalam bentuk carta.

### 4.1.1 Profail Responden


Carta 4.1 : Peratusan Jantina



Carta 4.1 menunjukkan jenis jantina yang disoal selidik. Daripada 145 orang responden, terdapat hanya 8.3% responden perempuan iaitu seramai 12 orang dan yang selebihnya adalah responden lelaki sebanyak 91.7% iaitu seramai 133 orang.

## 4.1.2 Umur


Carta 4.2 : Peratusan Umur Responden



Carta 4.2 menunjukkan peringkat umur responden yang disoal selidik. Responden yang disoal selidik bagi kajian ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur tetapi mesti melebihi 18 tahun ke atas. Peringkat umur dibahagikan kepada 4 peringkat kelas umur yang bermula dari 21 tahun dan diakhiri 60 tahun. Sebanyak 14% responden berada dalam lingkungan umur antara 21-30 tahun. 34% daripada responden berada dalam lingkungan antara 31-40 tahun manakala 36% bagi responden yang berumur antara 41-50 tahun. Sebanyak 16% peratus responden adalah dibawah lingkungan 51-60 tahun.

### 4.1.3 Status


Carta 4.3 : Peratusan Status Responden



Carta 4.3 menerangkan status diri responden yang disoal selidik. Kebanyakan responden yang disoal selidik telah berkahwin iaitu sebanyak 94% daripada responden. Manakala sebanyak 6% daripada responden adalah bujang.

#### 4.1.4 Tahap Pendidikan


Carta 4.4 : Peratusan Tahap Pendidikan Responden



Carta 4.4 menunjukkan tahap pendidikan responden yang dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu sekolah rendah, PMR, SPM, STPM/Sijil/Diploma dan ijazah dan ke atas. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 44% peratus daripada responden adalah berpendidikan tahap SPM. Manakala 34% daripada responden adalah mempunyai tahap pendidikan PMR dan 10% daripada jumlah responden mempunyai tahap pendidikan STPM/Sijil/Diploma. 9% dan 3% daripada jumlah responden mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah dan ijazah.

## 4.1.5 Pendapatan

Carta 4.5 : Peratusan Jumlah Pendapatan Responden Sebulan



Carta 4.5 jumlah pendapatan bulanan responden. Seramai 61 orang daripada jumlah responden mempunyai pendapatan di antara RM500-RM1000 dan seramai 56 orang daripadanya mempunyai pendapatan di antara RM1000-RM2000. 15 orang responden pula mempunyai jumlah pendapatan di antara RM2000-RM3000 manakala 8 orang daripada jumlah responden mempunyai pendapatan bulanan yang mencapai RM3000-RM4000. Jumlah responden yang paling rendah iaitu seramai 5 orang daripada jumlah responden yang memperolehi pendapatan bulanan yang kurang daripada RM500.

#### 4.1.6 Kestabilan Pendapatan

Carta 4.6 : Peratusan Pandangan Responden Tentang Kestabilan Pendapatan




Carta 4.6 menunjukkan pandangan responden terhadap pendapatan yang diperolehi sama ada stabil ataupun tidak. Daripada kajian yang dilakukan terdapat sebanyak 61% daripada jumlah responden menyatakan bahawa pendapatan yang diperolehi adalah tidak stabil. Ini bermaksud pendapatan yang diperolehi oleh responden dalam sebulan akan meningkat dan menurun. Kebanyakan daripada mereka adalah bekerja sebagai nelayan dan membuat kerja sendiri. Manakala sebanyak 39% daripada jumlah responden menyatakan bahawa pendapatan mereka adalah stabil pada setiap bulan. Ini kerana kebanyakan daripada mereka bekerja dalam sektor kerajaan dan swasta yang mempunyai pendapatan yang tetap dan stabil.



## 4.1.7 Jenis Kerja


Carta 4.7 : Peratusan Jenis Pemilikan Kerja



Carta 4.7 menunjukkan peratusan jenis pemilikan kerja oleh responden yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu pegawai termasuk pengurusan, pentadbir, dan seterusnya. Kedua adalah professional seperti peguam, akauntan, doktor, jururawat dan sebagainya. Ketiga adalah pekerjaan am seperti pemandu, buruh, kerja sendiri dan lain-lain. Daripada hasil kajian, didapati bahawa sebanyak 81% daripada jumlah responden mempunyai jenis kerja sebagai pekerja am. Manakala sebanyak 14% daripada jumlah responden mempunyai jenis kerja sebagai professional dan hanya 5% daripada jumlah responden bekerja sebagai pegawai atasan di sektor kerajaan dan sektor swasta.

#### 4.1.8 Kerja Sampingan


Carta 4.8 : Peratusan Responden Yang Mempunyai Kerja Sampingan



Carta 4.8 menunjukkan peratusan responden yang mempunyai kerja sampingan. Daripada hasil kajian, didapati bahawa sebanyak 98% daripada jumlah responden tidak mempunyai kerja sampingan. Tetapi didapati hanya 2% daripada jumlah responden mempunyai kerja sampingan untuk mencari rezeki kerana mereka mendapat jumlah pendapatan yang sangat kurang.

## 4.1.9 Bangsa

Carta 4.9 : Bangsa Dalam Peratusan



Carta 4.9 menunjukkan bangsa responden yang disoal selidik. Sebanyak 93.8% daripada jumlah responden yang disoal selidik adalah berbangsa Melayu dan selebihnya berbangsa Cina dan India iaitu sebanyak 2.8% dan 3.4%. Hal ini kerana majority penduduk di Negeri Terengganu adalah berbangsa Melayu.

#### 4.1.10 Pandangan Tentang Pendapatan


Carta 4.10 : Peratusan Pandangan Bagi Pendapatan Yang Diperolehi



Carta 4.10 menunjukkan pandangan bagi pendapatan yang diperolehi oleh setiap responden yang disoal selidik. Daripada kajian ini didapati bahawa jumlah peratus yang tinggi menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan pendapatan yang diperolehi iaitu sebanyak 66% daripada responden. Manakala sebanyak 19% daripada responden menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju dengan pendapatan yang diperolehi dan sebanyak 10% daripada responden menyatakan bahawa mereka tidak pasti lagi dengan pendapatan yang diperolehi. Tetapi hanya 5% daripada responden menyatakan bahawa mereka setuju dengan pendapatan yang diperolehi. Hal ini kerana mereka mendapat pendapatan yang tinggi berbanding yang lain dan mampu menampung kos sara hidupnya.

#### 4.1.11 Taraf Hidup


Carta 4.11 : Peratusan Taraf Hidup



Carta 4.11 menerangkan peratusan taraf hidup masyarakat di negeri Terengganu. Dalam kajian ini taraf hidup masyarakat di negeri Terengganu dikaji dengan jenis kenderaan yang digunakan oleh penduduk di negeri Terengganu. Jenis kenderaan yang digunakan oleh responden adalah kereta atau van, motosikal, lori dan basikal. Didapati sebanyak 61.4% daripada respon menggunakan kereta atau van dan sebanyak 36.5% responden menggunakan motosikal. Sebanyak 0.7% dan 1.4% daripada responden adalah menggunakan lori dan basikal.

#### 4.1.12 Simpanan

Carta 4.12 : Simpanan Oleh Responden



Carta 4.12 menunjukkan simpanan yang dibuat oleh responden dari jumlah pendapatan mereka. Daripada hasil kajian ini, didapati 73.1% daripada responden tidak ada simpanan. Peratusan jumlah responden yang ada simpanan adalah sebanyak 6.90% iaitu mempunyai simpanan dalam lingkungan RM1000. Peratusan jumlah responden yang ada simpanan dalam angka yang paling rendah adalah sebanyak 0.69% iaitu dalam lingkungan RM300.

### 4.1.13 Kenaikan Harga Barang

Carta 4.13 : Kenaikan Harga Barang



Carta 4.13 menerangkan bilangan responden yang menyatakan bahawa harga barangan meningkat ataupun tidak. Daripada kajian ini, didapati sebanyak 88% daripada responden menyatakan bahawa harga barang meningkat dan sebanyak 12% daripada jumlah responden menyatakan bahawa harga barang tidak meningkat. Hal ini kerana mereka mendapat pendapatan yang tinggi dan mereka tidak dapat merasakan harga barang meningkat ataupun tidak. Kenaikan harga barang boleh juga dikatakan tidak membebankan responden yang menyatakan tidak.

#### 4.1.14 Kos Perbelanjaan

Carta 4.14 : Peratusan Pandangan Jumlah Responden Terhadap Peningkatan Kos Perbelanjaan




Carta 4.14 menunjukkan peratusan pandangan jumlah responden terhadap peningkatan kos perbelanjaan. Daripada hasil kajian, didapati bahawa sebanyak 99% daripada jumlah responden menyatakan bahawa kos perbelanjaan mereka dalam sebulan meningkat akibat daripada kenaikan harga minyak. Terdapat hanya 1% daripada jumlah responden menyatakan bahawa kos perbelanjaan mereka adalah tetap dan tidak berubah.



#### 4.1.15 Hidangan Makanan Utama


Carta 4.15 : Hidangan Makanan Utama Dalam Seminggu



Carta 4.15 menunjukkan hidangan makanan yang utama dalam seminggu bagi setiap responden. Daripada hasil kajian, didapati bahawa sayur-sayuran merupakan hidangan makanan yang utama dalam seminggu bagi 57% daripada jumlah responden. Manakala ikan merupakan hidangan makanan yang utama dalam seminggu bagi 35% daripada jumlah responden. Ayam merupakan hidangan makanan yang utama dalam seminggu bagi 8% daripada jumlah responden sahaja. Hal ini kerana apabila harga barang meningkat, sudah tentu harga ayam akan meningkat.

#### 4.1.16 Bajet

Carta 4.16 : Bilangan Pandangan Jumlah Responden Terhadap Keseimbangan Bajet Dalam Sebulan



Carta 4.16 menunjukkan bilangan responden yang memberi pandangan terhadap keseimbangan bajet dalam sebulan. Daripada hasil kajian, didapati seramai 143 daripada jumlah responden menyatakan bahawa bajet bagi sebulan tidak seimbang kerana harga barangan meningkat akibat daripada kenaikan harga minyak. Ini menyebabkan kos perbelanjaan mereka dalam sebulan juga turut meningkat. Tetapi hanya 2 orang daripada jumlah responden menyatakan bahawa bajet dalam sebulan adalah seimbang. Hal ini kerana mereka mendapat pendapatan yang tinggi dan mampu menanggung kos sara hidup walaupun harga minyak meningkat.

## 4.2 Hasil Analisis Regresi

### a. Regresi berbilang

$$KHM = \beta_0 + \beta_1KHB + \beta_2TH + \beta_3Y + \beta_4KB + \beta_5KSH + \beta_6KBS + \beta_7S + \varepsilon$$

Berdasarkan model regresi berbilang di atas, hasil keputusan yang diperolehi adalah seperti berikut:

#### i) Ujian $R^2$

**Jadual 4.1 : Model summary**

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of The Estimate
1	.985(a)	.972	.963	1758.49645

a Predictors: (Constant), kuasa beli, taraf hidup, simpanan, kenaikan harga barang, kos sara hidup, keseimbangan bajet sebulan dan pendapatan

Merujuk kepada jadual 4.1 di atas,  $R^2$  sebanyak 0.972 menerangkan bahawa 97.2% variasi perubahan yang berlaku dalam kenaikan harga minyak (pembolehubah bersandar) dapat diterangkan oleh pembolehubah bebas iaitu kenaikan harga barang, taraf hidup, pendapatan, kuasa beli, kos sara hidup, keseimbangan bajet sebulan dan simpanan oleh pengguna.  $R^2$  yang tinggi bermakna kebagusan model regresi yang dibina adalah tinggi iaitu model regresi yang dibina sepadan dengan data-data yang diperolehi daripada soal selidik.

ii) Ujian - F

**Jadual 4.2 : Anova**

Model		Sum of Squares	df	Mean square	F	Sig.
1	Regression	438696.5	7	62670.933	28.58	.000(a)
	Residual	300365.9	137	2192.452		
	Total	739062.5	144			

- a Predictors: (Constant), kuasa beli, taraf hidup, simpanan, kenaikan harga barang, pendapatan, kos sara hidup, keseimbangan bajet sebulan  
b Dependent Variable: kenaikan harga minyak

Merujuk kepada jadual 4.2 di atas, dapat menerangkan bahawa kenaikan harga minyak (pembolehubah bersandar) mempengaruhi pembolehubah bebas iaitu kenaikan harga barang, taraf hidup, pendapatan, kuasa beli, kos sara hidup, keseimbangan bajet sebulan dan simpanan oleh pengguna pada aras keertian 1%. Selain itu, juga dapat diterangkan bahawa melalui ujian F, kita tolak  $H_0$  pada aras keertian 1% dengan menegaskan bahawa sekurang-kurangnya salah satu daripada pembolehubah bebas iaitu kenaikan harga barang, taraf hidup, pendapatan, kuasa beli, kos sara hidup, keseimbangan bajet sebulan dan simpanan oleh pengguna mempengaruhi kenaikan harga minyak.

### 4.3 Keputusan Signifikan

iii) Ujian - t

**Jadual 4.3 : Jadual Koefisien**

Model		Koefisien		t	Sig.
		$\beta$	Ralat Piawai		
1	(Konstan)	134.079	24.19	5.542	.000
	Kenaikan Harga Barang	-5.213	12.767	-2.903	.005
	Taraf Hidup	-69.025	7.961	-8.670	.000
	Simpanan	-0.402	.121	-3.309	.002
	Pendapatan	0.29	0.008	3.77	.000
	Kuasa Beli	0.423	.251	1.688	.094
	Kos Sara Hidup	-2.577	16.93	-0.15	.021
	Keseimbangan Bajet Sebulan	-37.84	17.41	-2.17	.031

a. Dependent Variable: Kenaikan harga minyak

Hasil kajian yang diperolehi dengan menggunakan program SPSS (*Program Statistical Package for Social Sciences*) satu model regresi berbilang yang baru terbentuk seperti yang ditunjukkan di bawah:

$$KHM = 134.079 - 5.213 KHB - 69.025 TH - 0.402 S - 2.577 KSH - 37.84 KBS + 0.29 Y + 0.423 KB + \epsilon$$

Dimana ;

KHM = Kenaikan Harga Minyak

KBS = Keseimbangan Bajet Sebulan

KHB = Kenaikan Harga Barang

KB = Kuasa Beli

TH = Taraf Hidup

S = Simpanan

KSH = Kos Sara Hidup

Y = Pendapatan

Untuk melihat sama ada terdapat hubungan antara pembolehubah bersandar (Y) dengan pembolehubah bebas (X), nilai p (p-value) akan digunakan. Syarat utama analisis ini adalah nilai aras keertian mesti melebihi nilai p (p-value).

$$\text{Aras Keertian } (\alpha) > \text{Nilai p (p-value)}$$

Bagi analisis ini, aras keertian ( $\alpha$ ) yang digunakan adalah 0.05 yang mana digunakan untuk mengkaji sama ada pembolehubah bebas itu mempunyai hubungan ataupun tidak.

**a) Pengujian untuk pembolehubah kenaikan harga barang**

1.  $H_0 : \beta_1 = 0$

$H_0 : \beta_1 \neq 0$

2. P-value = 0.005

Berdasarkan keputusan yang diperolehi, didapati bahawa aras keertian ( $\alpha$ ) > nilai p (p-value) iaitu  $0.05 > 0.005$ . Ini menunjukkan  $H_0$  dapat berjaya ditolak kerana nilai p-value kurang daripada 5%. Hal ini bermakna terdapat bukti yang kukuh menyatakan bahawa pembolehubah kenaikan harga barang adalah signifikan pada aras keertian 0.05. Dapat disimpulkan bahawa pembolehubah kenaikan harga barang dapat dipengaruhi oleh kenaikan harga minyak. Ini bermaksud apabila harga minyak meningkat, harga barangan juga akan meningkat. Peningkatan RM 1 terhadap kenaikan harga minyak akan mengurangkan permintaan barangan sebanyak 2.903%. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan negatif ataupun hubungan songsang terhadap kenaikan harga minyak dengan kenaikan harga barang. Ini menunjukkan bahawa apabila harga minyak meningkat, harga barang juga akan meningkat. Sebaliknya apabila harga minyak menurun harga barang pun akan kurang sedikit.

**b) Pengujian untuk pembolehubah taraf hidup**

1.  $H_0 : \beta_1 = 0$

$H_0 : \beta_1 \neq 0$

2. P-value = 0.000

Berdasarkan keputusan yang diperolehi, didapati bahawa aras keertian ( $\alpha$ ) > nilai p (p-value) iaitu  $0.05 > 0.000$ . Ini menunjukkan  $H_0$  dapat berjaya ditolak kerana nilai p-value kurang daripada 5%. Hal ini bermakna terdapat bukti yang kukuh menyatakan bahawa pembolehubah taraf hidup adalah signifikan pada aras keertian 0.05. Dapat disimpulkan bahawa pembolehubah taraf hidup dapat dipengaruhi oleh kenaikan harga minyak. Ini bermaksud apabila harga minyak meningkat, taraf hidup masyarakat akan berubah. Sebaliknya apabila harga minyak menurun, taraf hidup masyarakat juga akan menurun kerana harga barangan akan menurun. Peningkatan RMI terhadap kenaikan harga minyak akan menurunkan taraf hidup masyarakat sebanyak 8.670%.

**c) Pengujian untuk pembolehubah simpanan oleh pengguna**

1.  $H_0 : \beta_1 = 0$

$H_0 : \beta_1 \neq 0$

2. P-value = 0.002

